



KERAJAAN MALAYSIA

**Perolehan Secara CIF Bagi Peralatan Latihan,
Penyelidikan Dan Perubatan Yang Diimport**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN 2

**PK 7.6 Perolehan Secara CIF Bagi Peralatan Latihan, Penyelidikan Dan
Perubatan Yang Diimport..... 2**

**1. Perolehan Secara CIF Bagi Peralatan Latihan, Penyelidikan Dan
Perubatan Yang Diimport..... 2**

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN**PK 7.6 Perolehan Secara CIF Bagi Peralatan Latihan, Penyelidikan Dan Perubatan Yang Diimport****1. Perolehan Secara CIF Bagi Peralatan Latihan, Penyelidikan Dan Perubatan Yang Diimport**

- 1.1 Peralatan latihan, penyelidikan dan perubatan merupakan peralatan yang sensitif dan mudah rosak selain diperlukan secepat mungkin. Memandangkan masalah kelewatan, kerosakan dan tidak memenuhi spesifikasi apabila perolehan peralatan tersebut dilaksanakan secara FOB, Kementerian Kewangan bersetuju menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan untuk meluluskan perolehan peralatan latihan, penyelidikan dan perubatan dilaksanakan secara CIF tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - 1.1.1 Perolehan peralatan latihan, penyelidikan dan perubatan yang tidak melebihi RM5 juta bagi satu kontrak;
 - 1.1.2 Pembekal hendaklah dikenakan syarat wajib menggunakan perkhidmatan MTO dan insurans daripada syarikat MTO dan insurans tempatan bertaraf Bumiputera yang dilantik disenaraikan oleh Kementerian Kewangan. Perkhidmatan MTO dan insurans hendaklah bermula daripada *port of loading* sehingga ke destinasi terakhir yang dinamakan oleh agensi; dan
 - 1.1.3 Syarat di atas hendaklah dinyatakan dengan jelas kepada pembekal dalam syarat-syarat perolehan dan dijadikan sebagai klausa dalam perjanjian kontrak.
- 1.2 Sekiranya pihak berkuasa pembuat menetapkan peraturan perkhidmatan insurans dan pengangkutan menggunakan perkhidmatan syarikat daripada negara tersebut, agensi diberi kelonggaran untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negara berkenaan.